

AMALAN PEMBELAJARAN RECIPROCAL DALAM KALANGAN MURID PERIBUMI

(RECIPROCAL LEARNING PRACTICE AMONG INDIGENEOUS PUPILS)

Celinea Lasan¹
Zamri Mahamod²

Abstrak

Penulisan ini membincangkan amalan pembelajaran reciprocal yang mempengaruhi corak pendidikan dalam kalangan murid peribumi. Pembelajaran reciprocal merupakan pembelajaran yang memberi peluang kepada murid peribumi memperoleh maklumat dan pembelajaran baharu melalui proses perubahan tingkah laku hasil daripada pengalaman dan latihan yang dilalui oleh murid. Proses pendidikan murid bermula semenjak lahir dan dibentuk oleh pengalaman-pengalaman yang diperoleh melalui interaksi murid dengan persekitaran dan masyarakat di sekeliling mereka. Pengalaman-pengalaman ini membentuk pengetahuan sedia ada dalam proses pembelajaran murid melalui interaksi sosial, penerapan nilai-nilai budaya dan kepercayaan mereka. Hal ini diberi perhatian dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 bagi memberi peluang kepada murid orang asli dan kumpulan minoriti peribumi di Sarawak dan Sabah untuk menikmati peluang yang sama seperti murid lain bagi menjamin keberhasilan akses pendidikan berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Melalui amalan pembelajaran reciprocal yang merangkumi bahasa, adat resam, dan kepercayaan berupaya menghubungkan pengetahuan sedia ada murid dan saling interaksi dengan persekitaran pembelajaran mereka. Proses mengadaptasi ilmu ini tidak hanya berlaku di dalam bilik darjah malah pembelajaran ini berlaku secara tidak langsung di luar bilik darjah dalam kehidupan seharian murid-murid peribumi ini. Fenomena ini dapat membantu guru dalam meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran terutama apabila berhadapan dengan kumpulan murid-murid peribumi dalam kalangan masyarakat kolektivisme.

Kata Kunci : Amalan Pembelajaran, Pembelajaran Reciprocal, Murid Peribumi Bidayuh

Abstract

This study discusses the reciprocal learning practices that affect the pattern of education among indigenous pupils. Reciprocal learning provides opportunities for indigenous pupils gain new information and learning through the process of behavioral change as a result of experience and training experienced by pupils. Pupil's education process begins at birth and

¹ merupakan pelajar peringkat PhD di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan. Emel: ameberacelinea@yahoo.com (corresponding author)

² Profesor di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan. Emel: d-zam@ukm.edu.my

is shaped by the experiences acquired through pupils interaction with the environment and society around them. These learning process further strengthened through social interaction, implementation of cultural values and their beliefs. It is addressed in the Malaysian Education Blueprint (MEB) 2013 to 2025 to provide opportunities for pupils of aborigines and indigenous minority groups in Sarawak and Sabah to be offers the same opportunities as other pupils. This is to ensure access to quality education and the success of international standard. Through reciprocal learning practices that include language, customs, and beliefs strive to connect existing knowledge of pupils and interaction with their learning environment. The process of adapting knowledge through the reciprocal learning practices can enhance the competitiveness of the country's education globally. This phenomenon can also assist teachers in improving the quality of teaching and learning, especially when dealing with groups of indigenous pupils among collectivist society.

Keywords: *learning practices, reciprocal learning, Bidayuh indigenous pupils*

2016 GBSEJournal

Pendahuluan

Pendidikan menyumbang kepada penghayatan nilai dan perkongsian aspirasi apabila individu dari pelbagai latar belakang sosio budaya, ekonomi, agama, dan etnik berinteraksi, memahami, dan belajar menerima perbezaan dalam membentuk satu identiti nasional. Murid orang asli dan kumpulan minoriti peribumi di Sarawak dan Sabah menikmati akses kesamarataan pendidikan berkualiti bertaraf antara bangsa melalui peningkatan pelaburan bagi sumber fizikal, pengajaran dan pembelajaran (PPPM 2013-2025). Melalui pendidikan, individu murid apabila dewasa kelak berpeluang meningkatkan kualiti hidup, menjadi ahli masyarakat yang berjaya, serta aktif menyumbang kepada pembangunan negara dengan mempelajari dan menghormati kepelbagaian budaya adat resam, dan anutan agama. Hal ini diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan penerapan komuniti ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*) dalam kurikulum bahasa Malaysia kepada murid Tahap 2 melibatkan murid Tahun 4 hingga Tahun 6 di sekolah rendah. Ianya bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid terhadap sifat kepelbagaian yang mewarnai kesepaduan dan keharmonian masyarakat Asia (KPM 2015). Justeru, melalui amalan pembelajaran reciprocal yang merangkumi bahasa, adat resam, dan kepercayaan berupaya menghubungkan pengalaman sedia ada murid untuk saling berinteraksi dengan persekitaran pembelajaran mereka. Proses mengadaptasi ilmu melalui pembelajaran reciprocal ini dapat meningkatkan pengajaran dan pembelajaran efektif bagi kumpulan murid peribumi dalam masyarakat kolektivisme di Malaysia.

Amalan Pembelajaran Reciprocal

Pengertian pembelajaran adalah satu proses yang boleh membawa perubahan terhadap tingkah laku melalui pengalaman-pengalaman lalu (Piaget, 1963; Vygotsky, 1978; Gage & Berliner, 1991). Proses perubahan tingkah laku ini adalah hasil daripada pengalaman dan latihan yang dilalui oleh murid (Bruner, 1977; Hamacheck, 1995; Jonassen, 1999). Hasil pembelajaran tersebut akan melibatkan perubahan sikap, perasaan, dan proses intelektual. Selain itu, murid juga akan memperoleh penguasaan maklumat, fakta, konsep, prinsip,

sikap, amalan, kemahiran berfikir, kemahiran melakukan kerja, perubahan tabiat, dan perubahan tingkah laku melalui penggunaan kognitif aktif akan mempengaruhi pencapaian akademik murid (Umi Kalsum, 2005; Celinea Lasan, 2009; Nazeri, 2014; Faridah, 2015; Zamri Mahamod, 2016). Dengan yang demikian, pembelajaran murid terdiri daripada pembelajaran dalam bentuk penjelasan (*declarative*) dan pengkaedahan (*procedural*). Penjelasan merupakan penghafalan dan penyimpanan maklumat. Sementara itu, pengkaedahan pula adalah proses penyusunan semula yang membentuk pola berkaitan dengan aktiviti pembelajaran. Proses penyusunan maklumat dalam aktiviti pembelajaran seperti ini mempunyai pertalian dalam penjelasan pembelajaran reciprocal.

Palincsar & Brown (1984) menjelaskan bahawa pembelajaran reciprocal (*reciprocal learning*) secara idealistiknya adalah pembelajaran efektif kerana pembelajaran reciprocal menekankan agar guru berperanan sebagai fasilitator di dalam bilik darjah, bertindak memantau pemahaman murid dengan sekali sekala mengajukan soalan dan meminta murid memberikan penjelasan. Apabila murid kurang memberikan penjelasan dan mengajukan soalan menunjukkan murid kurang menggunakan kebolehan kognitif mereka (Pressley & McCormick, 1995; Pressley & Harris, 2006; Schunk 2000). Pengertian pembelajaran reciprocal menurut Swet & Ponte (2007) merujuk kepada penglibatan dialog secara interaktif antara kumpulan kecil murid dengan guru, murid dengan rakan-rakan, dan murid dengan masyarakat di sekeliling mereka.

Bahagian yang paling unik dalam pembelajaran reciprocal ialah murid akan mengambil alih peranan guru dan menjadi ketua untuk melaksanakan aktiviti di dalam bilik darjah serta memperkembangkan literasi bahasa mereka (Pressley et al., 1995; Unrau & Ruddel, 1995, Swet & Ponte, 2007). Perkembangan perolehan bahasa ini dibentuk dengan memberi peluang kepada murid untuk memperkembangkan lagi potensi pemikiran kritikal mereka dengan disesuaikan melalui minat, kreativiti, sifat ingin tahu, sikap berdikari dan bakat kepimpinan (Zamri Mahamod, 2004; Celinea Lasan, 2009; Zamri Mahamod & Nor Razah Lim, 2011; Khairuddin Mohamad et al., 2013). Oleh yang demikian, semasa pembelajaran maklumat baharu berlaku, murid-murid peribumi Bidayuh ini akan menggunakan pangkalan pengetahuan mereka untuk mengakses perolehan bahasa melalui penyelesaian masalah, pembinaan makna, dan perkongsian idea.

Amalan Pembelajaran Murid Peribumi Bidayuh

'*Bidayuh*' bermaksud orang darat dan kumpulan peribumi ini juga dikenali sebagai penduduk darat atau *Land Dayak* di mana perkataan '*dayak*' juga membawa maksud penduduk asal. Perkataan *Land Dayak* pertama kali digunakan dalam pemerintahan kolonial Rajah Brooke (1841-1963) dikenali sebagai "*the white Rajah of Sarawak*" (Rensch et al. 2006). Nama kolektif ini merujuk kepada komuniti peribumi yang mendiami bahagian penempatan awal di selatan dan barat Sarawak yang terletak di Pulau Borneo. Masyarakat peribumi Bidayuh di Sarawak seperti mana yang dilihat oleh masyarakat luar sebagai cenderung dan sangat berhati-hati terhadap perkara yang mereka lakukan atau cuba lakukan, sehingga mereka menghabiskan banyak masa untuk '*theorising*', berfikir dan bercakap tentang semua perkara dan isu-isu yang memberi kesan kepada kehidupan mereka (Lee, 1970; Caesar, 2007). Justeru, orang Bidayuh diandaikan sebagai orang yang tenang dan harmoni. Orang Bidayuh sebagai orang yang tenang dan senyap, dalam masa-masa tertentu mereka boleh menjadi

sangat senyap dan tidak terjangka sikap mereka dan tidak jelas tentang norma wacana mereka.

Budaya peribumi Bidayuh diwarisi dari generasi awal dengan menjaga hubungan erat ibu bapa dan anak (*parent-child relationship*) dalam konsep kekeluargaan. Institusi yang menjaga set kepercayaan bersama ini dapat dilihat melalui fungsi rumah '*baruk*' iaitu balai perbincangan bagi pemimpin dan kaum tua Bidayuh serta sambutan perayaan '*gawai*' selepas musim menuai padi dalam kalangan peribumi Bidayuh (James Dawos Mamit et al., 2003). Budaya kesepakatan ini dipupuk dari zaman nenek moyang di mana kaum tua dan para pemimpin Bidayuh mencari jalan penyelesaian bagi sebarang permasalahan dalam bentuk *reciprocate* melalui perbincangan dan percambahan idea.

Ciri-ciri perkongsian ilmu yang diperturunkan oleh generasi terdahulu kepada generasi muda peribumi Bidayuh menyerupai ciri-ciri yang diketengahkan dalam pembelajaran reciprocal. Menurut Batik Bidin (2011), murid peribumi lebih cenderung ke arah amalan pembelajaran berasaskan elemen psikologi pembelajaran reflektif dan analitikal. Manakala interaksi sosial murid peribumi pula berkait rapat dengan bahasa, budaya dan adat resam menghormati orang tua dan guru sebagai pembekal ilmu (Ratna Wismawati, 2010; Ting & Ling, 2011; Batik Bidin, 2011). Guru bertindak mengawal proses pengajaran dan pembelajaran serta cenderung menggalakkan murid memainkan peranan sebagai penerima yang pasif dan akhirnya menjadi pengeluar semula (*reproducer*) ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru-guru mereka.

Kesukaran murid melibatkan diri dengan aktif di dalam bilik darjah memberi implikasi terhadap rakyat Malaysia secara amnya. Malahan, guru-guru menganggap diri mereka mempunyai kemahiran komunikasi yang lebih tinggi dan mengawal interaksi di dalam bilik darjah. Situasi ini jelas ditunjukkan dalam sifat didaktik bilik darjah di Malaysia (Kaur, 2001; Umi Nadiha et al., 2011). Manifestasi amalan pembelajaran seperti ini telah berakar umbi sekian lama, ternyata masih wujud dalam bilik darjah di Malaysia. Menurut Bahiyah Abdul Hamid (1992) dan Umadevi (2001), murid mengambil jalan mudah untuk berdiam diri, bersikap pasif, dan menunjukkan kurang minat untuk menyertai aktiviti berhujah di dalam kelas. Situasi ini menyebabkan murid-murid di Malaysia kekurangan kriteria *epistemic* iaitu tidak arif berhujah, mengemukakan hujah yang tidak munasabah, kekurangan bukti relevan, kesamaran dan kekaburan konsep. Situasi senyap di dalam bilik darjah seperti ini adalah untuk menjaga keharmonian, nilai, dan maruah diri semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung (Kirkbride et al., 1989; Johannesen, 1996; Burbules & Berk, 1999).

Murid peribumi memiliki ransangan motivasi intrinsik yang tinggi, bertanggungjawab positif terhadap pembelajaran. Kaedah didikan keluarga yang bersifat autoritatif membantu murid peribumi mengurus tingkah laku diri dengan lebih positif dan amanah (Batik Bidin 2011; Ong et al. 2013). Norma amalan pembelajaran seperti ini biasa dilihat dalam bilik darjah di Malaysia sebagai sebahagian besarnya mendukung nilai-nilai keharmonian, menjaga air muka, dan mengelakkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat kolektivistik di Malaysia. Murid berhak mendapat pengiktirafan orang dewasa untuk menerima idea dan pandangan mereka. Proses pembelajaran ini bersangkut paut dengan amalan pembelajaran interaktif yang bersifat efektif di dalam bilik darjah melalui aliran penghantaran dan perkongsian maklumat yang aktif dalam konteks pendidikan nasional.

Struktur Pembelajaran Reciprocal

Struktur pembelajaran reciprocal selari dengan konsep teori pembelajaran konstruktivisme iaitu pembelajaran bermakna di dalam bilik darjah berlaku apabila murid terlibat secara aktif dalam proses pembinaan makna (Bruner, 1977; Jonassen, 1999; Aeja Masih & Bushra Hussain, 2013). Proses pembinaan makna ini diperluaskan lagi oleh Driscoll (1994) dengan menstrukturkan pembinaan makna ini kepada empat strategi pemahaman iaitu membincangkan isu-isu utama, memberi penjelasan, merumuskan intipati, dan membuat peramalan. Semasa perbincangan dalam kumpulan murid peribumi Bidayuh perlu terlibat dalam aktiviti soal jawab dan percambahan idea tentang isu-isu utama dalam pembelajaran mereka. Kumpulan murid ini juga perlu berusaha menjelaskan idea-idea yang kurang difahami oleh murid lain. Di samping itu, peringkat perumusan pula melibatkan pernyataan kandungan keseluruhan idea dalam pembelajaran mereka. Manakala, peringkat peramalan pula melibatkan isyarat maklumat-maklumat pembelajaran yang dijangka akan berlaku pada masa akan datang.

Empat elemen pembelajaran reciprocal yang penting iaitu penyoalan (*questioning*) membincangkan isu-isu utama dalam pembelajaran; penjelasan (*clarifying*) memberi penjelasan dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam pembelajaran; meringkaskan (*summarizing*) merumuskan intipati pembelajaran secara ringkas dan padat agar mudah difahami; dan peramalan (*predicting*) membuat peramalan untuk masa depan yang dikaitkan dengan pembelajaran lalu (Palincsar, Brown & Martin 1987; Taylor & Frye 1992; Schunk 2000; Oczkus 2010). Jika dihubungkan dengan pembelajaran murid peribumi Bidayuh, keempat-empat elemen tersebut diperincikan seperti berikut:

1. Penyoalan (*questioning*) iaitu membincangkan isu-isu utama di dalam pembelajaran murid. Murid peribumi akan membina dan menghasilkan pelbagai bentuk soalan semasa aktiviti kefahaman. Soalan-soalan yang dihasilkan adalah untuk mengenal pasti maklumat yang bermakna melalui pembacaan mereka. Maklumat yang tidak bermakna akan ditapis keluar. Soalan-soalan ini juga boleh ditanya semasa ujian kefahaman, aktiviti kuiz kefahaman mahupun gerak kerja penulisan hanyalah sebagai latihan kefahaman.
2. Penjelasan (*clarifying*) iaitu memberi penjelasan dan menyelesaikan masalah, yang timbul semasa pembelajaran. Apabila murid peribumi menghadapi kesukaran semasa membina makna untuk dijadikan maklumat dalam pembacaan mereka, rakan lain atau bimbingan guru diperlukan untuk membantu pemahaman murid. Ini kerana tujuan pembacaan bukan semata-mata hanya untuk menyebut perkataan dengan betul malahan meneroka lebih dalam maklumat yang terkandung dalam teks tersebut.
3. Meringkaskan (*summarizing*) iaitu merumuskan intipati teks secara ringkas dan padat agar mudah difahami. Murid peribumi perlu menggabungkan maklumat-maklumat utama dan mengenyahkan maklumat yang kurang bermakna. Seterusnya maklumat bermakna ini akan dikumpul dengan menyusun dan membentuk ayat-ayat yang jelas. Ayat-ayat yang telah disusun akan membentuk perenggan demi perenggan bagi mewakili keseluruhan teks.
4. Peramalan (*predicting*) iaitu membuat peramalan untuk masa depan yang dikaitkan dengan pembelajaran lalu. Murid peribumi akan membuat ramalan terhadap perkara dan peristiwa yang bakal berlaku selepas pembacaan mereka. Semasa membuat ramalan ini, murid akan menghubungkan pengetahuan atau pengalaman sedia ada mereka dengan maklumat yang terdapat di dalam teks bagi membina pengetahuan

baharu. Pengetahuan sedia ada murid memberi bukti-bukti kukuh untuk mereka membina peramalan dalam bentuk gambaran dan ilustrasi terhadap perkara dan peristiwa yang akan berlaku pada masa hadapan.

Keempat-empat elemen yang mendefinisikan struktur pembelajaran reciprocal tersebut menepati hasil kajian Palincsar & Brown (1984) menunjukkan bahawa murid perlu dilatih dengan kemahiran pemahaman melalui teknik penyoalan dalam perbincangan, penjelasan, perumusan dan peramalan. Murid akan mempunyai kesukaran di peringkat awal pembelajaran, namun melalui latihan pembelajaran murid akan menjadi lebih aktif dan mampu mengikuti prosedur serta melaksanakan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran tersebut dengan lancar (Schunk 2000).

Ditinjau dari perspektif teori pembelajaran kognitif Vygotskian (1978), mengandaikan bahawa keterlibatan guru dalam aktiviti pembelajaran murid secara beransur-ansur kurang, dalam proses pembelajaran ini murid untuk memperoleh kecekapan kognitif untuk belajar dengan lebih efektif. Andaian ini menjelaskan bahawa dengan mengambil bahagian dalam kumpulan, murid peribumi Bidayuh akhirnya akan aktif secara intrinsik menggunakan empat strategi amalan pembelajaran reciprocal yang berpusatkan murid. Pembelajaran berpusatkan murid diketengahkan dalam pembelajaran reciprocal menepati kehendak Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) 2011, yang menekankan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah memerlukan keterlibatan murid secara aktif (KPM, BPK, KSSR 2011). Justeru pembelajaran reciprocal murid peribumi merupakan pembelajaran efektif yang berpusatkan murid melalui konsep pemikiran kritis iaitu:

1. Memberi penjelasan; terdiri daripada penjelasan yang merupakan pernyataan yang jelas selaras dengan pemahaman baharu murid peribumi muncul tentang apa yang dipelajari.
2. Keterlibatan murid; memberi peluang kepada murid peribumi untuk turut serta dalam aktiviti pembelajaran dan menggalakkan interaksi dalam kalangan murid.
3. Mengesahkan dan menjelaskan kefahaman murid; guru menyemak pemahaman baharu murid peribumi.
4. Memodelkan tingkah laku yang diinginkan; melibatkan penyertaan murid peribumi dan menunjukkan bagaimana seseorang itu perlu merasa, berfikir, atau bertindak dalam keadaan tertentu.
5. Pengalaman sedia ada murid; menghubungkan kandungan pembelajaran dengan pengalaman sedia ada murid peribumi yang berkaitan dengan konteks sosio-budaya mereka.

Hal ini dikukuhkan lagi dengan pendapat Burbules & Berk (1999) iaitu bagi merealisasikan pembelajaran yang efektif pada asasnya bermula dari murid yang efektif (*effective learner*) dan mempunyai pemikiran kritis dalam mengemukakan hujah-hujah bernas dan memberikan bukti-bukti kukuh. Sementara itu, menurut Borkowski (1992) dalam Lederer (2000), murid akan mengambil alih peranan guru dalam pembelajaran reciprocal kerana murid akan mengajar dan membimbing rakan lain bagi memahami maklumat yang terkandung dalam aktiviti pembelajaran mereka. Dengan yang demikian pembelajaran reciprocal merupakan pembelajaran efektif yang memberi peluang kepada murid untuk membina makna melalui pembacaan mereka berdasarkan pengetahuan sedia ada yang dikaitkan dengan pengetahuan baharu. Hasil pembelajaran efektif ini adalah melalui aktiviti aktif secara berkumpulan di mana guru hanya berperanan sebagai pembimbing dengan memberi peluang kepada murid mengambil alih tugas guru untuk mengajar rakan-rakan lain dalam kumpulan.

Kesimpulan

Pemahaman guru terhadap amalan pembelajaran reciprocal ini sangat berguna untuk guru-guru Sarawak dan Sabah bagi memahami amalan pembelajaran murid-murid peribumi yang terdiri daripada pelbagai lapisan etnik. Hal ini demikian, penghayatan nilai sosio budaya, dan kepelbagaian etnik perlu diterapkan dalam kalangan pendidik berkualiti dan pihak pentadbir bagi memahami secara mendalam amalan pembelajaran murid. Dalam konteks amalan pembelajaran reciprocal, guru dan murid, mahupun sesama murid saling berinteraksi, memahami, dan belajar menerima perbezaan dalam membentuk satu identiti nasional. Amalan pembelajaran reciprocal ini perlu diketengahkan pengaplikasiannya dalam konteks pembelajaran bilik darjah di Malaysia masa kini. Amalan pembelajaran reciprocal ini juga mempertimbangkan kepentingan teori pembelajaran konstruktivisme sebagai asas premisnya. Melalui akses pembelajaran reciprocal, hubungan koperatif dan kolaboratif antara murid dengan rakan, dan murid dengan guru secara interaktif dapat memberi peluang kepada murid untuk melibatkan diri dalam membuat keputusan untuk diri sendiri, komuniti masyarakat, dan negara. Selain itu, amalan pembelajaran baharu yang sistematik ini juga dapat membangunkan kualiti pendidikan pelbagai kaum khususnya kaum peribumi di Malaysia. Pada masa yang sama kajian seumpama ini dapat melonjakkan lagi pembangunan pendidikan di Malaysia khususnya ke arah transformasi pendidikan peribumi di Sarawak dan Sabah.

Rujukan

- Aejaz Masih & Bushra Hussain. (2013). Continuous and Comprehensive Evaluation (CCE) System: A Move towards Constructivism. *Advanced International Research Journal of Teacher Education*, 1(1): 20-24.
- Batik Bidin. (2011). Stail pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar peribumi di Sarawak. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Bruner, J.S. (1977). Early social interaction and language acquisition. In H.R. Schaffer (Ed.). *Studies in mother-infant interaction*. London: Academia Press.
- Burbules, N.C. & Berk, R. (1999). Critical thinking and critical pedagogy: relations, differences, and limits. In: T.S. Popkewitz & L. Fendler. (eds). *Critical theories in education: changing terrains of knowledge and politics*, pp. 45-65. New York: Routledge.
- Caesar, D. (2007). Sensitivity to code selected for discourse: Focus on the Bidayuhs in Kampung Bogag, Bau District, Sarawak. In *Proceedings of FEL XI: Working together for endangered languages: Research challenges and social impacts*, Kuala Lumpur: University of Malaya. pp.56-64.
- Celinea Lasan. (2009). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Institut Pengajian Tinggi Swasta di negeri Sarawak. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Driscoll, M.P. (1994). *Psychology of Learning for Instruction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Faridah Mohamad Sopah. (2015). Amalan kreativiti, gaya kognitif kreatif, pengaruh faktor pembelajaran dan pencapaian pelajar pintar akademik. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Freire, P & Macedo, D. (2001). *Literay: Reading the word and the world*. London: Routledge.
- Gage, N.L., & Berliner, D.C. (1991). *Educational psychology*. 5th Edition. Boston, MA:

Houghton.

- Hamachek, D. (1995). *Psychology in teaching, learning & growth*. 5th Edition. Boston, MA: Allyn.
- Umi Kalsom Mohd Salleh. (2005). Pengajaran reciprocal: Satu alternatif strategi pembelajaran berkesan. *Masalah Pendidikan*. Universiti Malaya.
- James Dawos Mamit, Ahi Sarok, & Nicholas Amin. (2003). *Creating a new Bidayuh identity*. Kuching: Dayak Bidayuh National Association.
- Jonassen, D.H. (1999). Designing Constructivist Learning Environments. In C.M Reigeluth (Ed), *Instructional design theories models: Their current state of the art*. (2nd Edition). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Kaur, M. (2001). Creating critical discourse awareness: classroom to workplace. In: Koo Yew Lie. (ed). *Voices and discourses: mediating spaces – a festschrift to honour Prof Madya Dr. Harriet Wong*, pp. 30-40. Bangi: Fakulti Pengajian Bahasa.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR): Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. September 2012.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK): Kuala Lumpur.
- Khairuddin Mohamad, Maridah Alias, dan Faizah Hj. Shamsudin. (2013). *Siri Pengajian Bahasa Melayu: Bahasa Melayu Pemulihan*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Selangor
- Kirkbride, P.S., Tang, S.F.Y., & Shae W.C. (1989). The transferability of management training and development: the case of Hong Kong. *Asia Pacific Human Resource Management*, 27 (1): 7-19
- Lee, Y.L. (1970). *Population and settlement in Sarawak*. Singapore: Asia Pacific Press.
- Lederer, J.M. (2000). Reciprocal teaching of social studies in inclusive elementary classroom. *Journal of Learning Disabilities*, 33(1): 91-106.
- Nazeri Mohammad. (2014). Faktor Personaliti kreatif, komitmen pengajaran, amalan operasi metakognisi, dan pengajaran kreatif dalam kalangan guru Kemahiran Hidup. Tesis Doktor Falsafah, UKM, Bangi.
- Oczkus, L.D. (2010). *Reciprocal teaching at work: Powerful strategies and lessons for improving reading comprehension* (2nd Edition) Newark, DE: International Reading Association.
- Ong, S.C., Zamri Mahamod., & Hamidah Yamat. (2013). Faktor jantungina , kaum, aliran kelas, dan hubungannya dengan kecerdasan emosi murid dalam mempelajari bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1): 12-23.
- Palincsar, A.S., & Brown, A.L. (1984). Reciprocal teaching of comprehension-monitoring activities. *Cognition and Instruction*, 1(2): 117-175.
- Palincsar, A.S., Brown, A.L., & Martin, S. (1987). Peer interaction in reading comprehension instruction. *Educational Psychologist*, 22(3-4): 231-253.
- Piaget, J. (1963). *The origins of intelligence in children*. New York: W.W. Norton.
- Pressley, M., & Harris, K.R. (2006). Cognitive strategies instruction: from basic research to classroom instruction. In Alexander, P.A & Winne, W. (Eds.). *Handbook of educational psychology* (2nd Edition., pp.265-286). New York: MacMillan.
- Pressley, M., McCromick. C. (1995). *Cognitive, teaching and assessment*. New York: Harper Collins College Publishers.

- Ratna Wismawati Muhibah Yahya Sawek. (2010). Hubungan motivasi dengan perilaku pembelajaran bahasa Melayu pelajar dwibahasa peribumi Sarawak. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Rensch, C.R, Rensch, C.M, Jonas Noeb, & Robert Sulis Ridu. (2006). *The Bidayuh language: yesterday, today and tomorrow*. Bidayuh Language Development Project. Kuching: Dayak Bidayuh National Association.
- Schunk, D. (2000). *Learning theories: An educational perspective*. New Jersey: Prentice Hall.
- Swet, J.V., & Ponte, P. (2007). Reciprocal learning by experienced teachers and their educators on a master's degree programme in the Natherlands. *Journal of In-service Education*, 33(1): 67-90.
- Taylor, B., & Frye, B. (1992). Comprehension strategy instruction in the intermediate grades. *Reading Research and Instruction*, 32 (1): 39-48.
- Ting, S.H., & Ling, T.Y. (2011). Ethnic identity of young Malaysians in Sarawak. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 5: 165-176.
- Umi Nadiha Mohd. Nor., Zamri Mahamod., & Jamaludin Badusah. (2011). Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2); 71-78.
- Unrau, N.J., & Ruddell, R.B. (1995). Interpreting Texts in Classroom Contexts. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 39 (1): 16-27.
- Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Zamri Mahamod. (2004). Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 51-65.
- Zamri Mahamod. (2016). *Sosiolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.